

06 MAR 1997

SALEH SULONG TIDAK LIHAT SEBARANG MASALAH UNTUK PROJEK-PROJEK DRB-HICOM

Oleh: Yati Md Yassin & Jeffri Rafiee

SHAH ALAM, 6 Mac (Bernama) -- Datuk Mohd Saleh Sulong tidak melihat sebarang masalah di dalam projek-projek semasa atau akan datang kumpulan DRB-Hicom, termasuk pembelian penuh Lotus Group International walaupun kematian bekas pengurusinya, Allahyraham Tan Sri Yahaya Ahmad.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberikan sokongan dan galakan beliau semasa pertemuan setengah jam mereka di sini petang ini.

"Beberapa langkah yang dikuatkuasakan dan projek-projek dan program-program besar yang didayautamakan di bawah Allahyarham Tan Sri Yahaya akan diteruskan dengan tenaga, dorongan dan tahap yang sama," katanya pada persidangan berita untuk mengumumkan perlantikan beliau sebagai pengerusi baru DRB-HICOM berikutan kematian Yahaya di dalam nahas helikopter Isnin lalu.

Mohd Saleh berkata program itu akan diambil dan dilaksanakan oleh Proton dan juga Lotus International akan diteruskan mengikut piagam yang telah dilancarkan.

Katanya komponen separuh pasang (SKD) yang dikeluarkan di dalam negeri dan komponen-komponen alat sedia dipasang (CKD) versi Lotus Elise akan dikeluarkan menjelang pertengahan tahun ini seperti dirancang.

Pengeluaran permulaannya disasarkan sebanyak 2,500 unit setahun untuk menampung permintaan di rantau ini, katanya.

Sementara itu, kepentingan 16.2 peratus keluarga Yahaya yang dipegang di dalam pembuat kereta sport UK Lotus akan kekal mantap dengan syarikat keluarga itu, katanya.

Mohd Saleh berkata seorang lagi anggota keluarga yang rapat dengan Yahaya dilantik sebagai pemegang amanah syarikat keluarga dan kesemua aset dan pegangan saham Yahaya.

Apabila ditanya sama ada Mohd Saleh akan menambah kepentingan langsungnya di dalam kumpulan itu, katanya, "tidak buat masa ini."

Beliau juga menolak khabar-khabar angin yang Khazanah Holdings akan mengambil balik kepentingan di dalam Hicom Holdings yang dijualnya kepada Mega Consolidated Sdn Bhd dan akan menjualnya kepada orang lain kelak.

"Semasa saya bercakap kepada Perdana Menteri petang ini, tidak ada disebutkan mengenai perkara itu," tambahnya.

Ditanya sama ada perlantikannya sebagai pengerusi kumpulan DRB-Hicom adalah satu langkah sementara, beliau menjawab: "Adalah sukar untuk menyatakan. Apa yang saya perlu lakukan ialah memastikan bahawa saya menjalankan tugas dengan baik dan mencapai kepuasan (para pemegang saham)."

Beliau menambah kata bahawa beliau tidak melihat sebarang keperluan bagi perubahan pengurusan di dalam kumpulan itu kerana semuanya dalam keadaan baik. -- BERNAMA

YY JR OS/sia